

## **216 maut tahun lalu**

---

**TAPAH** - Kementerian Pengangkutan melancarkan Kempen Keselamatan Jalan Raya dan Operasi Bersepadu sempena Tahun Baharu Cina, bermula Sabtu ini sehingga Februari depan. Menterinya, Anthony Loke Siew Fook berkata, kempen bertemakan Pandu Cermat, Sampai Selamat itu akan dilaksanakan selaras dengan Op Selamat oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM). Menurutnya, syarikat Lebuhraya Utara-Selatan (Plus) akan menggunakan dron bagi memantau keadaan trafik sepanjang lebuh raya itu dengan jangkaan kira-kira dua juta kenderaan menggunakan pada cuti perayaan ini.

"Matlamat utama kempen ini ialah mengurangkan kadar kemalangan termasuk kematian. Sebanyak 20,829 kes kemalangan dicatatkan pada Tahun Baharu Cina tahun lalu dan ia menurun berbanding 21,041 kes bagi tempoh sama pada 2018. "Dalam tempoh itu, sebanyak 216 kematian dicatatkan tahun lalu berbanding 226 kematian pada tahun sebelumnya iaitu penurunan 10 peratus dengan sebahagian besar kes dicatatkan di jalan persekutuan dan jalan luar bandar," katanya. Beliau berkata demikian ketika melancarkan kempen berkenaan di kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Tapah arah utara, dekat sini, semalam. Hadir sama, Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) Mohd Nasri Ishak, Pengurus Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) Datuk Suret Singh dan Ketua Polis Perak, Datuk Razarudin Husain.

Loke berkata, 10,000 anggota penguat kuasa daripada pelbagai agensi menyertai operasi berkenaan dengan 2,000 daripada mereka adalah pegawai dan anggota Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Katanya, berdasarkan perangkaan polis, jumlah kemalangan jalan raya dalam tempoh Januari hingga November tahun lalu ialah 519,913 kes berbanding 548,598 kes bagi tempoh sama pada 2018.

---

**SUMBER: HARIAN METRO | M/S: 27 | 17 JANUARI 2020**